

16 JUN 2000

Mahathir-Asing

PM KESALI TUDUHAN MALAYSIA TIDAK LAYAN BAIK ORANG ASING

CYBERJAYA, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari melahirkan rasa kesal dengan tuduhan kononnya Malaysia tidak memberi layanan baik kepada rakyat asing di negara ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah membuka negara ini dan memberikan tempat tinggal kepada mereka, sebaliknya jasa tersebut tidak dikenang.

Malahan, kata Perdana Menteri, Malaysia pula kini berhadapan dengan masalah rakyatnya diculik, yang menurutnya, merupakan satu ugutan kepada negara ini.

"Kita tak buat apa-apa pun. Kita bagi tempat pada orang, tapi kita dapat balasan kurang baik. Kita berhadapan dengan masalah orang kita diculik. Ini merupakan sebagai satu ugutan terhadap kita," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pusat Perisian Motorola di sini.

Beliau merujuk kepada penculikan 21 orang termasuk sembilan rakyat Malaysia oleh kumpulan bersenjata pada 23 April di Pulau Sipadan, dan kini ditahan di pulau Jolo di selatan Filipina.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada Malaysia akan memperketatkan pengawasan bagi menyekat kemasukan pendatang tanpa izin Filipina ke Sabah.

Terdapat lebih 500,000 rakyat Filipina di Sabah sekarang.

"Kita buka negara kita pada mereka (orang asing). (Tapi) hari ini kita dituduh kononnya tidak beri layanan baik pada mereka," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai langkah-langkah wajar yang akan diambil bagi mengetatkan pengawasan tersebut, Dr Mahathir berkata perkara itu akan difikirkan dulu.

Kerajaan Malaysia sebelum ini berkali-kali menolak tuduhan sesetengah pihak bahawa ia tidak menjaga dengan baik pendatang tanpa izin termasuk yang berada di Sabah.

-- BERNAMA

RV NMO